

## **Polisi Hak Asasi Manusia Oji Group**

Oji Group mengiktiraf penghormatan terhadap hak asasi manusia sebagai tatakelakuan global, dan telah menetapkan "Polisi Hak Asasi Manusia Oji Group" sebagai pendirian asas terhadap hak asasi manusia, dan kami akan terus berusaha untuk menghormati hak asasi manusia, kepelbagaian nilai setiap individu dan akan menyumbang untuk merealisasikan masyarakat yang boleh memaksimumkan kebolehan mereka.

Polisi ini terpakai kepada semua pegawai dan pekerja Oji Group dan akan dipakai dalam semua aktiviti perniagaan.

Kami juga mengharapakan semua pemegang kepentingan Oji Group memahami dan mematuhi Polisi ini.

### **1. Prinsip asas**

Kami menyokong dan menghormati norma antarabangsa seperti "Rang Undang-undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia (Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Asasi Manusia)" dan "Deklarasi ILO mengenai Prinsip Asas dan Hak Buruh" berpandukan "Prinsip Panduan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia" Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kami telah menandatangani Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menyokong 10 prinsip termasuk hak asasi manusia, dan Polisi ini digubal dengan nasihat profesional dari dalam dan luar syarikat.

### **2. Penilaian wajar hak asasi manusia**

Untuk memenuhi tanggungjawab kami untuk menghormati hak asasi manusia mengikut prosedur yang diterangkan dalam "Prinsip Panduan mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia" Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kami telah mewujudkan mekanisma penilaian wajar hak asasi manusia dari perspektif pihak berkepentingan, dan kami akan terus berusaha untuk mengenal pasti, mencegah, mengurangkan dan membetulkan kesan negatif terhadap hak asasi manusia yang disebabkan atau digalakkan melalui aktiviti korporat dan kesan negatif yang mungkin berkaitan secara langsung dengan aktiviti korporat, produk atau perkhidmatan disebabkan oleh hubungan perniagaan.

Oji Group akan menyediakan pendidikan yang sesuai kepada semua pegawai dan pekerja untuk memahami dan melaksanakan Polisi ini dengan berkesan.

### **3. Mitigasi**

Sekiranya telah jelas bahawa kami menyebabkan, menggalakkan atau terlibat secara langsung dalam mengakibatkan kesan negatif terhadap hak asasi manusia, kami akan berdialog dengan pihak berkaitan dan berusaha untuk membetulkannya melalui prosedur yang sesuai.

Jika undang-undang dan peraturan negara berkenaan berbeza daripada norma hak asasi manusia antarabangsa, kami akan mengikut piawaian yang lebih tinggi, dan jika mempunyai konflik, hormati hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seboleh mungkin dan beri keutamaan untuk menangani kesan negatif yang paling serius.

Oji Group mengendalikan "Talian Bantuan Etika Korporat" untuk semua pegawai dan pekerja berbincang atau membuat laporan sebagai mekanisma untuk mengendalikan aduan mengikut Prinsip Panduan. Selain itu, laporan dari luar syarikat juga akan dikendalikan oleh "Kaunter Pematuhan" seperti di dalam Pertanyaan di laman web Oji Holdings.

### **4. Pendedahan maklumat / dialog**

Oji Group akan mendedahkan dan melaporkan progres, inisiatif mereka dalam perkara menghormati hak asasi manusia di laman webnya.

Tarikh digubal 4 Ogos 2020  
Oji Holdings Corp.  
Presiden dan CEO  
Hiroyuki Isono